



IDRIS HARON (empat dari kiri) diiringi Ngoh King Hua (dua dari kiri) melihat replika rumah ketika majlis Perasmian Ekspo Perumahan dan Hartanah Bumiputera 2018 di MITC, Melaka, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

Penawaran, permintaan sektor hartanah seimbang

Pemaju dibenar bina rumah mewah

Oleh HARITH NIZAR
kota@utusangroup.com.my

■ MELAKA 4 FEB.

PIHAK pemaju perumahan tidak akan mengalami sebarang masalah ketika ini sekiranya mereka mahu mencadangkan kepada kerajaan negeri bagi membina rumah mewah pada masa hadapan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, perkara itu ekoran kejayaan kerajaan negeri dalam mengimbangi penawaran dan permintaan sektor hartanah di negeri ini.

"Setakat ini, rumah yang tidak terjual antara negeri-negeri, kita (Melaka) adalah yang paling kecil di Malaysia dan perkara itu menunjukkan Melaka berada di landasan yang betul.

"Di Melaka masih belum belakunya 'gelembung hartanah'. Bagaimanapun, kita tetap akur berlama semangat 'Federalisme' dengan mengikut arahan Kerajaan Persekutuan bagi membekukan kelulusan pembinaan hartanah yang bernilai RM1 juta dan ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Perasmian Ekspo Perumahan dan Hartanah, Khas Untuk Bumiputera 2018 di sebuah pusat beli-belah di sini.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Roslan Ibrahim; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kesejahteraan Bandar, Kerajaan Tempatan dan Alam sekitar negeri, Datuk Ismail Othman serta Pengerusi Persatuan Penaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) negeri Me-

laka, Datuk Seri Ngoh King Hua.

Sementara itu, Idris memberitahu, setakat ini terdapat lebih daripada 62,500 unit rumah yang siap dibina untuk dijual dan kerajaan negeri mempunyai strategi bagi memastikan kesemuanya terjual pada masa akan datang.

"Kerajaan negeri berharap dengan penganjuran ekspo seumpamanya, maklumat mengenai perumahan dan hartanah terutamanya unit bangunan kediaman serta bangunan komersial yang tidak dapat dijual mampu disebarkan kepada masyarakat bumiputera.

"Saya juga yakin dan percaya hubungan serta kerjasama yang erat antara kerajaan negeri dan pemaju perumahan akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi mencapai taraf hidup rakyat yang lebih baik," katanya.